

KONSPIRASI BARAT TERHADAP DUNIA ISLAM. Oleh Ustaz Mohd Darus bin Senawi. Dewan Pustaka Fajar, Shah Alam. 2016 Pp 410. ISBN 9789678300926.

Makalah ulasan buku ini bertitik tolak daripada penganjuran seminar yang bertajuk ‘Nadwah Pemikiran Islam-Serangan Pemikiran Isu dan Penyelesaian’ oleh Pertubuhan HALUAN di ILIM Mac lalu. Buku ini merupakan kompilasi tiga penulisan ilmuan agama yang berunsurkan teori konspirasi Barat terhadap dunia Islam yang telah diterjemahkan oleh Ustaz Mohd Darus bin Senawi dan dikompilasikan menjadi sebuah buku yang bertajuk “Konspirasi Barat Terhadap Dunia Islam”. Penulis memilih penerbitan-penerbitan yang telah dikarang oleh penulis luar negara dan menterjemah penerbitan itu ke dalam bahasa yang mudah dan menarik minat pembaca untuk membacanya.

Ustaz Mohd Darus bin Senawi merupakan satu nama yang tidak asing lagi dalam bidang penterjemahan. Beliau telah menerbitkan banyak penulisan dan telah menterjemah pelbagai buku ke dalam bahasa Melayu. Latar belakang beliau yang berunsurkan akademik telah banyak membantu beliau untuk memberikan sumbangan besar terhadap bidang akademik dan masyarakat. Beliau telah mula berkecimpung dalam bidang ini sejak tahun 1974. Ketika itu beliau memegang amanah sebagai Ahli Panel Kajian Sistem & Kaedah Pengajian Bahasan YPTIK di Fakulti Pendidikan UM. Sejak itu, beliau aktif dalam menyebarkan ilmu dan berceramah di dalam dan luar negara.

Buku ini mempunyai tiga bahagian yang disusun secara kemas dan teliti. Dalam bahagian pertama buku ini terkandung terjemahan daripada penulisan Alfred le Chatelier yang bertajuk ‘*L’Islam dans l’Afrique Occidentale - Serangan ke Atas Dunia Islam*’ pada tahun 1989. Alfred le Chatelier merupakan dan majalah Dunia Islam telah banyak membantu kepada peningkatan kesedaran terhadap Barat di Afrika. Dalam majalah Dunia Islam ini, ramai penerbitan lain telah memuji usaha beliau dalam menerbitkan majalah Dunia Islam. Buku ini telah ditulis dalam dalam bahasa Perancis dan kemudian diterjemahkan oleh Musa’id al-Yafi dan Muhibbudin al-Khatib ke dalam bahasa Arab, dan seterusnya diterjemah oleh Darus Senawi ke dalam bahasa Melayu.

Buku yang pertama yang terdapat dalam kompilasi buku ini telah ditulis oleh A Le Chatelier. Buku ini merupakan buku yang penting bagi memperlihatkan strategi dan serangan Barat terhadap dunia Islam ketika itu. Dalam bahagian ini, terdapat beberapa perkara penting yang telah digariskan oleh penulis A Le Chatelier. Penulis telah menggambarkan secara terperinci akan serangan ke atas dunia Islam pada ketika itu. Menurut beliau, serangan terhadap dunia Islam telah berlaku seiring dengan bermulanya gerakan misionari di Afrika, Asia Barat, India, Tanah Melayu, dan di Tanah Besar Cina. Dalam bab pertama buku A Le Chatelier, penulis telah menjelaskan sebab dan strategi penyebaran agama Kristian di setiap bahagian.

Menurut beliau lagi dalam bukunya, tidak lama selepas penyebaran agama Kristian berlaku di seluruh negara, konvensyen para misionaris di Kaherah telah diadakan bagi mengumpulkan kesemua misionaris Protestan di seluruh dunia pada tahun 1906M. Konvensyen terbesar ini telah diketuai oleh seorang ketua missionari yang bernama Paderi Zwemmer. Persidangan ini penting bagi merangka strategi dan merungkai permasalahan yang dihadapi oleh para missionari.

Selain itu, terdapat juga perkara-perkara lain yang telah diperincikan oleh A Le Chatelier dalam bukunya. Antara perkara penting yang telah ditunjukkan dalam buku ini ialah, jalan dan cara penyebaran Kristian dan mendekati umat Islam dalam sektor perubatan dan penyebaran Injil. Penulis juga telah menggambarkan dengan baik akan dunia Islam pada ketika itu termasuk di Kepulauan Melayu. Seterusnya penulis menulis tentang konvensyen Edinburgh pada tahun 1910 serta Konvensyen Lucknow pada tahun 1911M. Akhir sekali, penulis telah menerangkan maqasid atau tujuan serta harapan misionari di masa hadapan. Penterjemah juga telah melampirkan jawapan majalah saingan Dunia Islam iaitu Al-Muayyid terhadap Majalah Dunia Islam.

Dalam bahagian kedua kompilasi buku ini pula mengandungi terjemahan buku ‘Tunjang Pemikiran Yang Mendasari Hubungan Barat dengan Nabi Islam’ oleh ilmuan Arab yang bernama Dr. Basim Khafaji. Buku ini mengandungi tajuk-tajuk yang menarik dan berkait rapat dengan pemikiran Barat terhadap Nabi kita Muhammad SAW. Buku ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah mengenai pemikiran Barat dan gambarannya tentang Nabi Muhammad dan agama Islam serta tunjang pemikiran yang mencorak pemikiran Barat terhadap Nabi Muhammad. Bahagian kedua buku ini pula mengungkap tentang kesedaran yang perlu ada dalam diri setiap umat Islam dan saranan serta cadangan untuk memastikan umat Islam perlu menyekat gambaran negatif daripada tersebar dalam kalangan masyarakat dengan cara berinteraksi dengan musuh Islam kerana ianya merupakan tuntutan terhadap umat Islam.

Dalam buku yang lain yang juga mengandungi kandungan yang sama bertajuk ‘Strategi Barat Mengekang Islam: Kajian Laporan Yayasan RAND 2007’, dalam buku ini juga terkandung makalah tentang kajian terhadap Nabi Muhammad SAW. Salah sebuah pusat penyelidikan agama yang berpangkalan di Kaherah, Mesir iaitu Markaz al-Arabi lil Dirasat al-Insaniah telah menerbitkan kajian yang bertajuk “Building Moderate Muslim Networks” yang telah dilakukan oleh Dr. Basim Khafaji.

Dalam bahagian ketiga pula, penulis telah memasukkan buku karangan Jalal Al-‘Alim yang bertajuk ‘قادة الغرب يقولون دمر الإسلام عابد أهله’ *Rancangan Barat Hancurkan Islam*. Buku ini merupakan terjemahan dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu dan terdapat dalam bentuk yang kecil sebanyak 64 muka surat. Dalam buku ini pula, Jalal Al-Alim telah banyak menulis tentang makalah-makalah yang berunsurkan kesedaran terhadap masyarakat Barat. Beliau telah memperincikan tentang rancangan Barat untuk menghancurkan Islam di Andalus dan di

Habshah. Beliau juga telah memperlihatkan pendirian Barat terhadap Islam. Selain itu, beliau juga telah menceritakan tentang Peperangan Salib yang berterusan dan dipimpin oleh Lord Alainby. Beliau juga memperlihatkan bahawa ketika itu masyarakat Arab semakin lemah dan mula menguasai segala bidang dan akhirnya merosakkan Islam secara keseluruhan.

Selain itu, penulis buku ini juga menerbitkan satu lagi buku yang berunsurkan isu sama seperti buku ini. Dalam buku yang lain yang juga mengandungi kandungan yang sama bertajuk ‘Strategi Barat Mengekang Islam: Kajian Laporan Yayasan RAND 2007’, dalam buku ini juga terkandung makalah tentang kajian terhadap Nabi Muhammad SAW. Salah sebuah pusat penyelidikan agama yang berpangkalan di Kaherah, Mesir iaitu Markaz al-Arabi lil Dirasat al-Insaniah telah menerbitkan kajian yang bertajuk “Building Moderate Muslim Networks” yang telah dilakukan oleh Dr. Basim Khafaji. Penulis mengemukakan satu bacaan analisis terperinci terhadap Laporan RAND tersebut.

Bacaan terperinci itu memberikan tumpuan khas kepada idea-idea, yang terdapat di dalam laporan tersebut, mengenai strategi Amerika bagi menangani Islam dan aliran-aliran Islamis, melalui usaha membina kekuatan jaringan yang memusuhi Islam yang dinamakan sebagai “Jaringan Muslim Moderat”. Idea-idea itu turut memberi fokus kepada usaha mewujudkan definisi baru bagi perkataan moderat agar bersesuaian dengan kepentingan strategik Amerika.

Kajian ini mengandungi empat bahagian. Bahagian pertama ialah mukadimah, yang memperkenalkan landasan pemikiran Institut RAND, laporan-laporan lalu yang dikeluarkannya mengenai dunia Islam, nilai laporan-laporan itu dari sudut perhatian yang diberikan oleh pembuat dasar (policy makers) Barat terhadap cadangan-cadangannya, serta perubahan beberapa cadangan itu menjadi polisi amali. Selain itu, bahagian ini juga mengandungi pengenalan umum mengenai laporan Institut RAND yang baru serta idea-idea penting yang terdapat di dalamnya.

Bahagian kedua kajian yang mengandungi 59 muka surat ini pula membentangkan bab-bab yang terdapat dalam Laporan RAND, idea-idea yang terdapat dalam setiap bab, huraian bagi setiap bab serta kaitannya dengan dunia Islam. Selain itu, bahagian ini turut mengemukakan beberapa petikan daripada laporan tersebut, yang dikira boleh membantu pembaca dan pengkaji untuk mengenali gaya bahasa yang digunakan oleh laporan itu serta idea-ideanya.

Bahagian yang ketiga pula mengandungi pemerhatian terhadap ciri-ciri utama strategi Amerika yang dicadangkan oleh institut RAND untuk membendung Islam. Penulis berusaha sedaya upaya untuk menggariskan ciri-ciri itu selengkap yang mungkin berdasarkan metode kajian ilmiah, sambil berharap kajian ini akan menjadi pendorong kepada kajian selanjutnya dalam bidang ini, yang dapat membantu memperbetulkan perspektif dan langkah-langkah amali yang akan diambil oleh para pemikir, pengkaji dan pembuat dasar di dunia Arab dan Islam.

Bahagian keempat pula mengemukakan beberapa resolusi dan cadangan yang boleh menyumbang ke arah merangka satu perancangan balas bagi agenda Islam, untuk meminimalkan kesan-kesan negatif yang mungkin timbul hasil dokongan kerajaan negara-negara Barat terhadap cadangan-cadangan laporan RAND. Resolusi-resolusi kajian (Dr Basim) ini juga mengandungi beberapa cadangan tindakan praktikal berkaitan beberapa mekanisme yang perlu diambil bagi menangani laporan-laporan sebegini sebelum cadangan-cadangannya bertukar menjadi polisi Amerika untuk membendung kebangkitan umat Islam.

Akhir kata, pengulas berpendapat bahawa orang-orang Islam ketika itu sangat risau terhadap masyarakat Barat dan dengan tegas berusaha untuk menyebarkan kesedaran terhadap Barat ketika itu. Walau bagaimanapun, hal ini tidak berlaku dalam zaman ini kerana Barat telah Berjaya menguasai dunia Islam dan kegemilangan Islam telah semakin menghilang ditelan zaman sehinggalah Serangan pemikiran Barat ini sangat diambil berat oleh ilmuan luar negara pada hari ini semula malahan ilmuan luar negara semakin giat memupuk kesedaran terhadap konspirasi Barat ini terutamanya Dr. Muhammad Abd Wahab yang telah mengunjungi negara-negara Islam.

Farah Nur-Rashida Rosnan

Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor